

**Lonjakan Di Bursa Sehari Selepas Pilihan Raya Tanda Agenda Ekonomi BN  
Diterima: Najib  
Bernama  
13 Jun, 2013**

KUALA LUMPUR, 13 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Najib Tun Razak berkata lonjakan lebih 100 mata di Bursa Malaysia, dengan kenaikan sehari terbesar dalam sejarahnya, sehari selepas Barisan Nasional mengekalkan pemerintahannya pada pilihan raya umum ke-13, menunjukkan penerimaan pasaran terhadap agenda ekonomi kerajaan berbanding pembangkang.

"Adalah menarik untuk melihat peningkatan itu sebagai sokongan terhadap jalan yang telah kita pilih untuk Malaysia.

"Tetapi ia juga satu pernyataan kelegaan. Selepas setahun perkembangan yang tidak menentu, risiko politik berkurangan," kata Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan, dalam ucap terna di Invest Malaysia 2013, persidangan yang dianjurkan Bursa Malaysia dan ditaja bersama oleh Maybank Investment Bank di sini Khamis.

Pada 6 Mei, sehari selepas pilihan raya umum, FTSE Bursa Malaysia KLCI ditutup pada paras tertinggi pada 1,752.02 mata, dan penganalisis mengaitkannya dengan kemenangan BN yang pro perniagaan, yang akan terus berkuasa. Penganalisis berkata bursa akan terus mengalami kenaikan, dengan pelabur mula menggunakan tunai mereka, yang sebelum ini tidak memasuki pasaran kerana menunggu keputusan pilihan raya.

Mereka berkata selepas ini, akan terdapat peningkatan dalam aktiviti belian diterajui pelabur institusi tempatan dan asing.

Pasaran kini didagangkan pada 1,756.18 mata.

Mengenai masa hadapan, Perdana Menteri berkata lima tahun akan datang bakal memberi peluang kepada kerajaan untuk menetapkan laluan Malaysia bagi dekad seterusnya.

"Saya faham dan menerima mesej daripada pengundi, bahawa semasa kita terus melalui jalan ini, kita perlu telus dan bertanggungjawab, dan manfaat transformasi ekonomi mesti sampai kepada semua rakyat Malaysia.

"Saya akan berusaha untuk memastikan kejayaan negara kita tanpa meminggirkan mana-mana pihak," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=955857>